

## **Annex B**

**UCAPAN OLEH ENCIK TEO CHEE HEAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN, DI MAJLIS PERASMIAN BULAN BAHASA 2010, ANJURAN MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA, PADA SABTU, 26 JUN 2010, 12.00 TENGAH HARI DI THE POD, BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA, VICTORIA STREET**

Encik Hawazi Daipi,  
Setiausaha Parlimen Kanan

dan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu, Singapura

Para Anggota Parlimen,

Tuan-tuan Yang Terutama,

Para Tetamu Terhormat dan para hadirin sekalian,

Salam hormat dan selamat tengah hari

## **Pengenalan**

1. Saya berasa gembira dapat bersama-sama anda di Majlis Perasmian Bulan Bahasa Melayu 2010 (dua ribu sepuluh) ini.
2. Dasar Pemerintah yang menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda tidak berubah. Dasar dwibahasa kita adalah dasar yang utama. Dasar ini memastikan warga kita kompetitif dari segi ekonomi, dan pada masa yang sama terus berakar umbi pada bahasa dan budaya utama yang membentuk masyarakat Singapura.

3. Globalisasi telah menjadikan dasar dwibahasa kita semakin penting. Bahasa Inggeris terus menjadi bahasa utama untuk kita berhubung dengan dunia bagi tujuan perdagangan dan teknologi. Kefasihan yang tinggi dalam bahasa Inggeris merupakan kelebihan bagi negara dan warga Singapura. Hal ini membantu Singapura menjadi hab global bagi perdagangan dan pendidikan. Lantas, ia memberikan warga Singapura kelebihan bagi pendidikan dan pekerjaan.
4. Pada masa yang sama, terdapat dorongan (impetus) untuk mempelajari bahasa dan budaya Asia dengan berlakunya pertumbuhan ekonomi pesat di negara-negara Asia dan peningkatan kepentingannya kepada ekonomi dunia. Para pedagang dan syarikat-syarikat bukan Asia mengiktiraf hal ini, dan terdapat minat yang mendalam untuk mempelajari bahasa-bahasa Asia. Lantas, pengetahuan dan kemahiran dalam bahasa ibunda memberikan kelebihan kepada kita dalam persekitaran perniagaan di peringkat rantau dan global. Dasar dwibahasa kita telah memberikan kelebihan kepada negara dan warga Singapura untuk bertindak sebagai penghubung perniagaan antara seluruh dunia dan Asia.
5. Penekanan terhadap bahasa Ibunda juga mementingkan warisan bahasa dan budaya kita. Pengetahuan tentang bahasa Ibunda dan budaya mengukuhkan diri kita dari segi budaya dan nilai. Hal ini menjadikan kita berakar umbi pada Singapura, dan membina

keyakinan budaya (cultural confidence) warga Singapura untuk berhubung dengan rantau ini dan dunia.

6. Bahasa Melayu juga mempunyai peranan yang unik dan penting di Singapura. Singapura terletak di Kepulauan Melayu, dan bagi keperluan perkembangan kebudayaan, hubungan penduduk, perniagaan dan hubungan antarabangsa, adalah penting bagi warga Singapura, tidak kira Melayu dan bukan Melayu, untuk tahu bertutur bahasa Melayu.
7. Syabas saya ucapkan kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura yang menganjurkan Bulan Bahasa Melayu untuk menggalakkan masyarakat Melayu terus menggunakan bahasa Melayu dan menjadikannya popular dalam kalangan masyarakat Singapura.
8. Dengan sokongan pelbagai pertubuhan, Kelab Masyarakat, MAECs, institusi pendidikan dan sekolah, saya yakin bahawa Bulan Bahasa Melayu tahun ini akan berjaya mencapai matlamatnya.

### **Sokongan Berterusan Pemerintah**

9. Untuk mempromosikan bahasa, bahasa itu mestilah digunakan, bermula dari individu dan keluarga mereka. Masyarakat Melayu sendiri perlu memimpin dan memiliki usaha ini serta menggalakkan masyarakat untuk menggunakan bahasa Melayu. Hal ini bukanlah

tanggungjawab guru atau anggota persatuan sastera dan budaya sahaja, tetapi tanggungjawab masyarakat seluruhnya

10. Pemerintah akan terus memberikan sokongan kepada bahasa-bahasa Ibunda kita.
  
11. Dalam bidang pendidikan, Pemerintah memberikan sokongan menerusi program-program pilihan Bahasa Melayu. Program Pilihan bagi Sekolah Menengah (Elective Malay Language for Secondary Schools programme or EMAS) dan Program Pilihan Bahasa Melayu (Malay Language Elective Programme or MLEP) bagi Maktab Rendah kini dalam tahun kesepuluh pelaksanaannya. Sekarang, kita mempunyai dua pusat EMAS dan dua Maktab Rendah MLEP untuk memenuhi keperluan pelajar yang berminat dan mempunyai kebolehan bagi mendalami pengetahuan tentang bahasa dan sastera Melayu.
  
12. Usaha awal untuk mengenal pasti pemimpin bahasa dan budaya adalah penting untuk menyediakan generasi akan datang dengan pengalaman dan pengetahuan yang diperlukan. Hal ini pastinya akan mengukuhkan lagi usaha kita untuk melestarikan bahasa kita. Saya berasa gembira kerana kini terdapat seramai 438 (empat ratus tiga puluh lapan) pelajar yang mengikuti kedua-dua program ini.



13. Tambahan pula, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (Malay Language Learning and Promotion Committee or MLLPC) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Masagos Zulkifli akan terus bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan masyarakat untuk menganjurkan kegiatan-kegiatan bahasa bagi pelajar, guru dan ibu bapa. Saya berasa gembira mengetahui bahawa kini terdapat seramai 268 (dua ratus enam puluh lapan) guru pelatih di Institut Pendidikan Nasional yang bakal menjadi guru Bahasa Melayu. Bagi para guru dalam perkhidmatan, MOE telah menubuhkan Pusat Bahasa Melayu Singapura di Bishan. Usaha-usaha ini memastikan kita akan terus mempunyai guru yang bertauliah bagi sekolah-sekolah.
  
14. Pada peringkat masyarakat, Majlis Bahasa Melayu Singapura yang diketuai oleh Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Hawazi Daipi telah diberikan dana tambahan oleh MICA, seperti yang dinyatakan oleh Encik Hawazi dalam ucapannya awal tadi. Sokongan Pemerintah pada semua peringkat menunjukkan komitmen Pemerintah dalam usaha kita untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.

### **Bahasa Melayu di Singapura**

15. Hadirin sekalian, dwibahasa dan kepelbagaian bahasa adalah realiti dalam dunia global. Hal ini juga merupakan realiti di Brunei, Malaysia

dan Indonesia, di mana penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia semata-mata secara eksklusif tidak mencukupi. Pengetahuan tentang bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, Arab, China, Perancis atau Jepun memberikan kita kelebihan tambahan. Di Singapura, sejak dahulu lagi kita telah memberikan pengiktirafan tentang kepentingan dwibahasa dari sudut ekonomi dan budaya.

16. Para pemimpin masyarakat mempunyai peranan penting dalam mempromosikan bahasa dan warisan. Saya amat menggalakkan masyarakat Melayu Singapura untuk menghargai dan mempromosi bahasa Melayu. Belajarlah dan gunakanlah bahasa Melayu. Bagi anda yang berminat dan berkebolehan, dalamilah pemahaman dan pengetahuan tentang bahasa Melayu. Saya yakin melalui kegiatan-kegiatan promosi seperti Bulan Bahasa Melayu, bahasa Melayu akan terus digunakan secara aktif dan bertenaga dalam masyarakat, di sekolah dan tempat kerja.

## **Penutup**

17. Dengan sukacita saya kini merasmikan Bulan Bahasa Melayu 2010 (dua ribu sepuluh).

Terima kasih.